



Hibah Aset Bercagar: Analisis Kesahihan dari Perspektif Syariah *Hibah of Property under Charge: An Analysis of Validity from a Shariah Perspective*

Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani^{*1}, Fidlizan Muhammad¹, Mohd Yahya Mohd Husin¹, Azman Mohd Noor²

¹Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

²Institute of Islamic Banking and Finance, International Islamic University of Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia.

ABSTRAK - Hibah aset yang dicagarkan merupakan salah satu produk pengurusan harta Islam yang bertujuan untuk memindahkan pemilikan aset yang dijadikan cagaran kepada bank atau pemegang cagaran kepada pihak lain bagi tujuan tertentu. Walaupun produk ini telah lama berada di pasaran, isu-isu syariah dan hukum Islam yang terkait dengan produk ini masih menjadi perdebatan para pengkaji. Melihat kurangnya penelitian tentang masalah ini dari perspektif Syariah dan juga dari sudut pandang bank-bank Islam sebagai pemegang cagaran maka penulisan ini cuba mengupas isu ini. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan (*library research*) iaitu, konsep dan produk berkaitan hibah aset bercagar dianalisis berdasarkan prinsip-prinsip Syariah serta pendapat para ulama klasik dan kontemporari. Analisis ini dilakukan bagi mendapatkan pandangan yang jelas dan diterima berhubung kedudukan produk ini dari perspektif Syariah. Hasil kajian mendapati bahawa konsep hibah aset yang dicagarkan memerlukan penelitian lebih lanjut dari perspektif Syariah. Antara isu utama yang dikenal pasti ialah unsur ketidakpastian/*gharar* dalam penentuan keabsahan kontrak hibah meskipun dilindungi oleh produk takaful seperti *Mortgage Reducing Term Takaful* (MRTT) atau *Mortgage Level Term Takaful* (MLTT). Kajian turut mendapati bahawa produk ini tidak konsisten dengan beberapa keputusan polisi dokumen Syariah yang dikeluarkan oleh pihak Bank Negara Malaysia mengenai syarat dan rukun kontrak hibah serta juga kontrak cagaran/*rahn*. Selain itu, ketiadaan izin secara jelas dari pemberi hutang/*creditor* untuk membenarkan hibah, serta isu keperluan *qabd* yang tidak dapat dipenuhi dalam akad hibah lantas menyebabkan status aset yang dihibahkan dalam produk berkaitan boleh dipertikaikan.

ABSTRACT - *Hibah of property under charged is one product under Islamic Wealth Management that aims to transfer property's ownership to others for specific purposes where the assets are still under charged with the bank or financier/creditor. Although this product has long been offered in the market, issues of Shariah and Islamic legislation is still a matter of debate among researchers. Looking at the lack of research on this issue from the perspective of Shariah and from the viewpoint of Islamic banks as holders of charged assets, then this study attempts to explore this issue. This study employs library research, in which concepts and products are analysed based on Shariah principles and the opinions of classical and contemporary scholars. This is to obtain a clear and acceptable view of this product from a Shariah perspective. The study found that the concept of hibah of collateral assets needs further investigation from the Shariah perspective. Among the main issues found is the existence of*

ARTICLE HISTORY

Received: 23rd Mar 2025

Revised: 24th Sept 2025

Accepted: 08th Oct 2025

Published: 01st Dec 2025

KEYWORDS

Ahli jawatankuasa syariah, kewangan Islam, *ijtihad*, *hibah*, *rahn*.

uncertainty/gharar in terms of the validity status of the hibah contract even though it is protected by takaful products such as MRTT or MLTT. The study also found that this product is not consistent with the decision of the Shariah policy document by Bank Negara Malaysia (BNM) concerning the terms and conditions of the hibah and rahn contracts, as well as the lack of explicit permission from chargers/creditors to authorise the hibah. In addition to the issue of qabd which cannot be achieved in the hibah contract that may render the status of the hibah contract in related products to be disputable.

Keywords: *Ijtihad, Hibah, Rahn, Shariah Advisory Council, Islamic finance.*

PENDAHULUAN

Hibah adalah salah satu akad yang terdapat dalam sistem muamalat dan pengurusan kewangan Islam yang berbentuk *tabarru'*, di samping akad lain seperti akad wakaf, wasiat, sedekah dan sebagainya. Hibah mengandungi banyak hikmah tersirat dari pensyariatannya seperti dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan kasih sayang sesama manusia, membantu anggota masyarakat yang kurang berkemampuan, mengagihkan kekayaan untuk perkembangan ekonomi yang lebih baik dalam sistem sosial masyarakat dan sebagainya (Al-Khin, M., et al., 2002; MAIS, 2024). Memandangkan hibah adalah suatu tajuk yang sangat penting terutama dalam aspek pengurusan harta maka banyak kajian dihasilkan dalam membincangkan tentang aplikasi hibah dalam kewangan Islam semasa, dan juga banyak inovasi-inovasi produk terkini yang telah diketengahkan dalam memperkasakan amalan hibah di kalangan masyarakat. Salah satu produk hibah yang banyak diperkenalkan ialah produk hibah yang mempunyai unsur *Amanah* bagi aset bercagar, iaitu sejenis hibah yang mensyaratkan adanya pemegang amanah yang memegang aset bercagar yang telah dihibahkan kepada penerima hibah berdasarkan syarat-syarat tertentu seperti yang diinginkan oleh pihak pemberi hibah (Wasiyyah Shoppe; 2024, al-Salihin Trustee Berhad; 2024).

Antara tujuan produk dan konsep ini dikenalkan ialah untuk memberi peluang kepada pemilik harta untuk menghibahkannya kepada sesiapa yang dia kehendaki, selain memudahkan urusan pemindahan harta sesudah kematian pemiliknya. Hal ini kerana, peningkatan kes-kes melibatkan hartanah yang tertunggak apabila seseorang itu meninggal dunia menyebabkan produk berasaskan hibah dibangunkan. Justeru, hibah dilihat melengkapkan urusan berkaitan pengurusan harta terutama apabila berlaku kematian pemiliknya (Muda et al., 2022).

Walaupun banyak kajian semasa dihasilkan untuk pengembangan aplikasi berkaitan hibah termasuk hibah aset bercagar namun tidak dinafikan wujudnya cabaran yang perlu diatasi demi memastikan hibah mencapai objektif utamanya iaitu pemindahan hak milik kepada seseorang bagi tujuan yang dibenarkan oleh syarak. Dalam masa yang sama juga, ia perlu memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh syarak supaya tidak berlaku pertelingkahan di kemudian hari.

Justeru tujuan kajian ini adalah ingin mengupas secara khusus tentang pandangan Syariah berkaitan produk hibah bagi aset yang sedang dicagarkan kepada pihak bank. Ini memandangkan terdapat beberapa kes mahkamah yang membabitkan produk sebegini. Kajian akan cuba memberi pandangan berdasarkan apa yang dibincangkan oleh para fuqaha silam, selain melihat juga peruntukan perundangan semasa dan garis panduan Syariah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa seperti Bank Negara Malaysia berkaitan produk ini.

KAJIAN LITERATUR

Berkaitan kajian lepas mengenai topik hibah, perbincangan dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu hibah amanah secara umum dan hibah amanah bagi aset bercagar. Bagi kajian berkaitan dengan hibah amanah, ianya adalah satu tajuk yang mendapat perhatian dari para pengkaji dan banyak penulisan dihasilkan berkaitan dengannya seperti penulisan bertajuk *Hibah Amanah di Industri Kewangan Islam di Malaysia: Analisa Isu Syariah Terhadap Syarat Akad Hibah* (Moidin

et al., 2023). Penulisan ini menerangkan tentang beberapa isu berkaitan aplikasi hibah amanah dalam kewangan Islam antaranya ialah isu berkaitan peletakan syarat tempoh pemilikan ke atas akad hibah, peletakan syarat limitasi had *tasarruf*/pengurusan harta hibah kepada pemberi hibah dan pandangan fuqaha terhadap hibah bersyarat. Kajian ini telah mengupas pandangan para fuqaha tentang beberapa isu Syariah termasuk berkaitan peletakan syarat dalam akad hibah seperti syarat tempoh masa secara *ruqba* dan *umra* (hibah yang bergantung kepada sama ada penerima hibah atau penghibah yang mati dahulu untuk menjadikannya hibah yang sempurna), dan syarat *tawqit* (*hibah bertempoh*) yang mana wujud perbezaan pendapat antara para fuqaha, sebahagian mereka melarangnya namun terdapat fuqaha yang mengharuskannya. Justeru produk yang mengandungi hibah bersyarat sebegini adalah diharuskan. Namun penulisan ini tidak menyentuh tentang hibah aset bercagar secara khusus.

Juga artikel bertajuk *Hibah Amanah Hartanah dan Kekangan Perundangan dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia* (Muda et al., 2022) yang mengupas tentang hibah amanah dari segi konsep Syariah, hibah terhadap aset hartanah, keperluan kepada hibah amanah hartanah dan kekangan-kekangan dalam pelaksanaan hibah hartanah ini. Menariknya artikel ini telah menyentuh tentang hibah aset bercagar, dan menurut pandangan penulis, hibah sebegini adalah dibenarkan. Namun penulis akan cuba mengupas dan mengulas pandangan ini melalui kaca mata Syariah dan perbankan Islam dalam penulisan ini nanti.

Bagi artikel yang bertajuk *The Grey side of Hibah Amanah as Inheritance Instrument in Malaysia* (Zulkepli & Bustami, 2019) pula, kajian ini mengupas isu-isu berkaitan pelaksanaan hibah Amanah sebagai instrumen pewarisan. Antara isu yang dikupas termasuklah isu berkaitan kepatuhan Syariah dalam hibah amanah, pertikaian yang berlaku antara hibah dan faraid, adanya potensi untuk berlakunya unsur ketidakadilan dalam hibah amanah, hak penerima pusaka yang terabai dan juga isu pertikaian perundangan antara bidang kuasa mahkamah Syariah dan mahkamah sivil dalam produk hibah amanah ini. Artikel juga memberi beberapa cadangan demi memastikan isu-isu yang dinyatakan dapat diselesaikan.

Begitu juga artikel yang bertajuk *Analisis Perundangan dan Kes Hibah Amanah di Malaysia* (Muda et al., 2023), jurnal ini menghuraikan tentang kes-kes mahkamah berkaitan hibah amanah dan menerangkan kepentingannya yang tersendiri dalam pengurusan aset orang Islam. Namun begitu, banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan supaya ia dapat mencapai potensi sebenarnya. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak menyentuh isu aset bercagar secara khusus yang merupakan fokus kepada kajian yang cuba dibawa ini.

Bagi artikel bertajuk *Keperluan Deklarasi Hibah dan Kekangannya dalam Perancangan Harta Orang Islam* (Ismail et al., 2020) pula, juga ada mengupas tentang isu hibah aset bercagar namun kupasan lebih lanjut akan cuba dibawa dalam penulisan ini.

Bagi penulisan berkaitan hibah amanah bagi harta bercagar secara spesifik pula, artikel bertajuk *Pelaksanaan Hibah Harta Bercagar dalam Industri Perancangan dan Pengurusan Harta Orang Islam* (Said & Ayub, 2021) mengupas tentang hibah bercagar dari sudut amalan dan potensinya dalam pengurusan harta (*wealth management*), juga pandangan fuqaha tentang keharusan hibah aset bercagar. Artikel ini juga mengupas kes-kes mahkamah berkaitan pertikaian membabitkan hibah aset bercagar. Boleh dikatakan ianya adalah satu penulisan yang agak lengkap dalam membincangkan tentang isu hibah aset bercagar tanpa menafikan terdapat beberapa isu yang boleh dikupas dan dikembangkan lagi perbincangannya.

Begitu juga penulisan yang bertajuk *Hibah Amanah Hartanah dan Kekangan Perundangan dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia* oleh Abdullah (2019) yang mengupas tentang isu sama, namun tiada penyelesaian konkrit dibawa dalam menyelesaikan isu ini.

Kesimpulan daripada penulisan-penulisan yang sedia ada berkaitan tajuk ini menunjukkan bahawa hibah amanah bagi aset bercagar telah mendapat perhatian dan dibincangkan oleh beberapa pengkaji. Walaupun begitu terdapat beberapa aspek perbincangan yang boleh dikembangkan lagi dalam isu ini terutama dari aspek sudut pandang perbincangan para fuqaha

tentang hibah aset bercagar serta isu bank sebagai pemegang gadaian yang dilihat kurang diberikan perhatian. Justeru, hal ini menjustifikasikan kajian ini.

METODOLOGI

Metodologi kajian adalah kajian berbentuk kepustakaan (*library research*) dan kajian kualitatif, iaitu konsep dan produk serta dokumen berkaitan hibah aset bercagar dianalisis berdasarkan prinsip-prinsip Syariah bagi akad-akad yang terlibat iaitu akad hibah, cagaran/*rahn* dan akad-akad lain. Perbincangan dilakukan dengan merujuk dalil-dalil serta pandangan para ulama klasik dan kontemporari berkaitan akad-akad tersebut. Pendekatan ni dilakukan untuk mendapatkan pandangan yang jelas dan diterima mengenai status produk ini dari perspektif Syariah.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Definisi hibah dan aplikasi semasa berkaitan dengannya

Hibah dari segi bahasa bermaksud pemberian sama ada dalam bentuk fizikal/*a'in* atau manfaat, manakala mengikut istilah syarak, hibah merupakan suatu akad pemindahan hak milik yang dilakukan oleh seseorang secara sukarela kepada seseorang yang lain ketika tempoh hidupnya tanpa sebarang balasan (*iwad*) (al-Bulqini, 2012; Al-Khin, M., et al., 2002; BNM, 2016).

Hibah merupakan amalan yang sangat digalakkan dalam Islam dan termasuk dalam keumuman tuntutan pemindahan hak kepada individu lain bagi tujuan yang dibenarkan. Pemindahan hak ini boleh dilakukan bagi memperoleh pahala dan ganjaran, yang lebih dikenali juga sebagai sedekah, atau untuk tujuan menjaga hubungan baik yang dikenali sebagai hadiah, atau untuk tujuan selainnya yang dikenali sebagai hibah (al-Bakri, 1997). Banyak dalil yang menunjukkan pensyariaan hibah, antaranya; firman Allah SWT yang bermaksud "... dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta dan (memerdekakan) hamba sahaya" (al-Quran, 2:177) dan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud "Hendaklah kamu saling memberi hadiah maka nescaya kamu akan saling berkasih sayang". (Al-San'ani, 2012, hadis 8:883)

Para fuqaha membahaskan bahawa walaupun dari segi hukum asalnya, hibah adalah dituntut, namun hukum hibah boleh berubah kepada haram, makruh dan wajib, bergantung kepada faktor-faktor luaran (*lighairihi*) yang wujud pada hibah tersebut. Ia menjadi wajib apabila seseorang mendapati terdapat individu yang berada dalam keadaan sangat terdesak sehingga ketiadaan bantuan boleh membawa kepada kematian atau kemudaratan terhadap diri atau keluarganya. Dalam keadaan ini, menjadi kewajipan baginya untuk membantu sekiranya berkemampuan, sama ada melalui hibah atau pinjaman, atau bentuk bantuan lain. Hibah juga boleh menjadi haram jika ia jelas bertujuan untuk melakukan perkara-perkara yang tidak mematuhi Syariah. Ianya seperti seseorang yang memberi hibah kepada seorang yang jelas akan menggunakannya untuk berjudi dan diketahui oleh pemberi hibah. Namun, hukumnya berubah menjadi makruh jika tidak diketahui secara pasti dan yakin, serta adanya syak bahawa penerima akan menggunakannya di tempat-tempat yang tidak patuh Syariah (Al-Khin, M., et al., 2002; al-Bulqini, 2012).

Dalam konteks kewangan Islam semasa, pelbagai produk kewangan Islam telah distrukturkan dengan memasukkan elemen hibah, antaranya ialah pemberian hibah dalam produk deposit yang menggunakan *qard* (pinjaman) sebagai kontrak pendasar, serta hibah dalam produk pelaburan seperti akaun pelaburan berasaskan *wakalah bi al-istithmar* dan sebagainya. Bahkan hibah juga digunakan dalam produk takaful iaitu pemberian manfaat takaful/*takaful benefit*, juga hibah dan *tana'ul*/pengguguran hak dalam pasaran modal seperti dalam sukuk yang berasaskan *musyarakah* dan *musyarakah*, serta dalam bidang pengurusan harta Islam sendiri seperti dalam produk-produk hibah amanah dan sebagainya.

Dalam membincangkan tentang aplikasi hibah dalam kewangan Islam semasa, banyak isu-isu Syariah yang dibincangkan oleh para ulama dan pengkaji. Salah satunya ialah berkaitan hibah

bagi aset bercagar. Memandangkan hibah aset bercagar merupakan salah satu produk yang mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan masyarakat bagi tujuan pengurusan harta, dan pada masa yang sama wujud beberapa isu Syariah yang berkaitan, maka penulisan ini akan memfokuskan perbincangan tentang isu-isu Syariah yang berkaitan hibah amanah bagi aset bercagar ini.

Isu keizinan pemegang cagaran terhadap hibah harta bercagar dan analisis kes mahkamah berkaitan

Dari segi keharusan hibah terhadap aset yang dicagarkan, terdapat sebahagian kajian yang membenarkannya dengan berhujah bahawa hibah aset bercagar adalah sah kerana kebenaran telah diperoleh dari pihak pemegang cagaran/bank, dengan bersandarkan adanya keizinan secara tidak langsung (*implicit*) melalui konsep *dianggap setuju* (*deem consent*) oleh pihak bank sesudah dari hibah Amanah dibuat (Said & Ayub, 2021). *Deem consent* ini berlaku apabila keizinan untuk membenarkan hibah tidak dinyatakan secara jelas oleh pihak bank tetapi pihak bank telah membenarkan pihak penerima hibah menyelesaikan hutang berbaki apabila pembuat hibah mati (Hassan, A. A. & Yusop, Y. (2006). Berdasarkan ini, mereka berpandangan bahawa bank telah bersetuju dengan hibah yang dibuat, kerana menerima bayaran yang dibuat kemudian oleh penerima hibah. Sekiranya bank tidak bersetuju dengan hibah maka nescaya bank akan menolak bayaran yang dibuat penerima hibah sesudah dari kematian penghibah.

Mereka menyandarkan pendapat mereka ini kepada pandangan mazhab Hanafi yang mengatakan bahawa hibah tanpa ada keizinan pemegang cagaran adalah tergantung (*manquf*) namun boleh disahkan kemudian. Berbeza dengan mazhab Syafie yang mengatakan bahawa hibah aset cagaran tanpa adanya keizinan pemegang cagaran adalah tidak sah sama sekali semenjak awal lagi. Ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam Majalah *al-Ahkam al- 'Adliyyah* perkara 857 yang bermaksud:

Jika seseorang menghibahkan harta orang lain tanpa keizinan daripada pemilik harta, hibah adalah tidak sah. Namun, sekiranya selepas pemberian dibuat pemilik harta berkenaan membenarkan pemberian tersebut, maka hibah menjadi sah kerana kebenaran yang dilakukan selepas itu sama seperti dengan perwakilan yang dibuat sebelum daripada hibah tersebut. (Muda, et al., 2022).

Pendapat ini turut menyandarkan hujahnya kepada kes mahkamah *Shahirah Aimi binti Shahrudin lvn. Siti Hawa binti Abu Talib dan Shamimi Aqilah binti Shabarudin*, dengan keputusan Mahkamah Rayuan menerima hibah yang dibicarakan serta menolak keputusan Mahkamah Tinggi yang tidak membenarkan hibah aset bercagar atas alasan bahawa aset belum menjadi milik sempurna penerima semasa kematian pembuat hibah. Dalam kes ini, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa hibah telah terbatal dan harta kekal menjadi milik si mati seterusnya menjadi harta pusaka.

Dalam kes mahkamah yang dibawakan, mahkamah rayuan telah memutuskan hibah si mati kepada perayu adalah sah dan membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi dengan alasan penghakiman Hakim Bicara bahawa perayu telah mendapatkan keizinan daripada pihak pemegang cagaran iaitu pihak Maybank untuk menghibahkan rumah tersebut. Dalam perkara ini, walaupun si mati telah meninggal dunia pada 14 Disember 2009, namun perjanjian tersebut masih mengikat sesiapa yang menggantikan si mati terhadap rumah tersebut. Dalam kes ini perayu adalah pengganti si mati dan telah bertindak sebagai orang yang dihibahkan rumah tersebut kepadanya. Perayu telah berurusan dengan pihak bank bagi menyelesaikan hutang yang tertunggak. Sebagai pemegang cagaran pihak bank mempunyai kuasa untuk membatalkan hibah yang dibuat oleh si mati (sekiranya ia adalah tidak sah dan pihak bank tiada hak) tetapi pihak bank tidak berbuat demikian tetapi menerima RM50,000 daripada perayu untuk melunaskan hutang. Tindakan bank tersebut secara tidak langsung adalah satu bentuk pengiktirafan kepada kedudukan perayu yang mengambil alih bebanan dan liabiliti rumah tersebut. Tidak terdapat keterangan bank yang cuba mengambil

alih rumah tersebut dan membatalkan hibah atau bayaran yang dibuat oleh penerima hibah. Oleh yang demikian secara tidak langsung pihak bank membenarkan hibah yang dibuat oleh si mati dan ini membuktikan bentuk keizinan bukanlah suatu yang sempit (*rigid*) bahkan ia boleh diperluaskan dalam pelbagai bentuk bergantung kepada uruf dan adat masyarakat setempat (Said & Ayub, 2021).

Dari segi analisis kes mahkamah di atas, dilihat bahawa kes ini memang selari dengan perbincangan penulisan ini dan memberikan satu gambaran tentang kedudukan produk hibah aset bercagar dari sudut perundangan memandangkan telah ada keputusan duluan (*precedent case*) mahkamah berkaitan dengannya. Namun, perlu dinyatakan di sini bahawa dalam sistem mahkamah Syariah, *Doctrine of Precedent Case* atau kes duluan adalah tidak mengikat mahkamah Syariah di tempat dan negeri lain untuk mengikutinya (Mikail & Arifin, 2014). Bahkan mereka mempunyai kuasa untuk menetapkan sebaliknya.

Berbalik kepada keputusan mahkamah yang disebutkan di atas, adakah benar bahawa ia dianggap sebagai keizinan dari pemegang cagaran (bank) untuk pemilik harta menghibahkan hartanya kepada pihak lain?, atau boleh dianggap sebagai penerimaan jaminan pembayaran sahaja, sama seperti seorang yang menjamin hutang pihak lain atau membayarkan hutang pihak lain.

Berdasarkan keputusan mahkamah di atas, bagi andaian/*ihktimal* yang pertama iaitu ia dianggap sebagai keizinan dari pihak bank maka kemungkinan ini perlu diselarikan dengan dokumen yang wujud iaitu keizinan dari pihak bank untuk membenarkan hibah, dan disokong pula oleh dokumen Pelepasan Gadaian Tanah (Borang 16N). Keizinan memberi hibah bermaksud pihak bank mengesahkan sokongan bagi hibah tersebut dilaksanakan dan ianya mesti mengisi Borang 16N yang menunjukkan bahawa cagaran ditarik balik bagi memberi laluan pelaksanaan hibah. Perkara ini perlu kerana selagi mana Borang 16N tidak dilengkapkan oleh pihak bank maka Borang 16A (dokumen gadaian tanah) masih wujud dan terpakai dan bererti aset masih dicagarkan lantas tidak memberi laluan untuk hibah terlaksana. Hibah bermaksud perpindahan hak milik dan kuasa penuh ke atas aset manakala cagaran pula adalah halangan untuk pemindahan hak milik tersebut. Dari segi keperluan dan kehendak akad/*muqtada aqad*, keduanya adalah bertentangan (*ta'arud* dan *tanaqud*) sebagaimana pandangan para fuqaha yang membahaskannya di bawah tajuk *hibah al-Marhun* atau *hibah al-Rahn*.

Jelas bahawa tindakan pihak bank menerima pembayaran tidak boleh dijadikan dalil muktamad bahawa bank turut menerima hibah yang dibuat oleh pemilik harta. Tambahan pula, implikasi hibah yang melibatkan pengguguran hak ke atas aset bercagar tidak dapat disandarkan semata-mata kepada amalan penerimaan pembayaran tersebut. Justeru *ihktimal* pertama ini ada sedikit persoalan Syariah yang perlu diperhalusi semula. Bagi kajian yang mengatakan bahawa kes ini adalah satu *indicator* awal keharusan hibah harta dalam cagaran, mereka juga bersetuju bahawa isu utama adalah adanya keizinan dari pemegang cagaran, dan jika tiada keizinan dari pemegang cagaran maka pelaksanaan hibah harta bercagar adalah sesuatu yang sukar dilaksanakan (Said & Ayub, 2021).

Begitu juga bank tiada hak berdasarkan posisinya sebagai pemegang cagaran untuk membatalkan hibah, atau mengizinkan hibah sekiranya hutang telah diselesaikan. Ini kerana sekiranya hutang telah diselesaikan maka kontrak *rahn* juga telah terungkai dan tiada lagi hubungan antara bank dan pelanggan. Hibah aset bercagar hanya terbatal jika tidak mendapat keizinan dari pemegang cagaran, dan seterusnya jika ia mengizinkan hibah maka telah terbatal kontrak *rahn* dan juga hak dan tuntutan ke atas aset cagaran itu sendiri (Sidqi, 2003).

Bagi *ihktimal* kedua, iaitu andaian bahawa persetujuan penerima gadaian atau bank untuk menerima pembayaran baki hutang yang mana ia boleh dianggap sebagai suatu bentuk jaminan pembayaran hutang oleh pihak ketiga, andaian tersebut masih boleh diterima dalam kerangka analisis fiqh dan amalan kewangan semasa. Ini kerana dalam Islam tiada halangan bagi mana-mana pihak untuk membayarkan hutang pihak lain sama ada di atas dasar hibah, atau jaminan (*kafalah*) dengan maksud wang yang dibayar akan *direimbursed* semula kepada penjamin atau di atas dasar *qard*/pemberian pinjam (al-Bakri, 1997; AAOIFI, 2010). Andaian ini juga selari dengan dokumen gadaian Borang 16A kerana borang tersebut masih kekal, dan pelaksanaan hibah hanya berlaku

sekiranya hutang dapat diselesaikan. Ini juga menunjukkan bahawa cagaran masih kekal walaupun adanya persetujuan penerimaan bayaran dari pihak ketiga (penerima hibah), dan ini juga menunjukkan bahawa dalam realiti sebenar, hibah masih tidak berlaku ketika gadaian masih berjalan.

Selain itu juga, pengkaji yang menyokong keharusan hibah aset bercagar ini menyandarkan pandangan mereka kepada pendapat mazhab Hanafi yang mengatakan bahawa keizinan kemudian (oleh pihak bank untuk membenarkan hibah) adalah dibenarkan sepertimana di atas. Bagi mengulas perkara ini, walaupun mazhab Hanafi membenarkan konsep akad yang boleh dibaiki kemudian/*tashih al-aqd al-fasid* iaitu pembetulan akad yang *fasid* sesudah dari akad dibuat tanpa perlu membuat akad baru sama seperti hukum *tasarruf fuduli* (al-Zanjani, n.d; al-Dibyan, 2010), namun, jika merujuk kepada perbahasan para ulama mazhab Hanafi sendiri berkaitan keharusan hibah aset bercagar secara khusus, mereka juga adalah senada dengan mazhab-mazhab lain yang berpandangan bahawa hibah aset bercagar adalah tidak sah. Kata al-Samarqandi (1994):

لا يجوز للراهن أن يتصرف فيه تصرفاً يبطل حق المرتهن من البيع والإجارة والهبة وغيرها

Dan tidak harus bagi *Rahin*/pembuat cagaran untuk melakukan *tasarruf* padanya (aset cagaran) dengan bentuk *tasarruf* yang membatalkan hak *murtabin* seperti jual beli, sewaan, hibah dan selainnya. (al-Samarqandi, 1994, 3:42).

Begitu juga sebaliknya jika benar adanya keizinan dari *murtabin*/pemegang cagaran untuk hibah dilaksanakan maka di sisi mazhab Hanafi, ia dikira membatalkan *rahn* itu sendiri. Kata imam al-Kasani (1990):

وليس له أن يهبه من غيره، أو يتصدق به على غيره بغير إذنه ... ولو فعل توقف على إجازة المرتهن، إن رده بطل، وله أن يعيده رهناً، وإن أجازته، جازت الإجازة؛ لما قلنا، وبطل عقد الرهن؛ لأنه زال عن ملكه لا إلى خلف

Tidak boleh baginya (*rahin*) untuk menghibahkan kepada orang lain (aset cagaran) atau menyedekahkannya kepada orang lain tanpa ada izinnya (*murtabin*)..., dan jika ia lakukan juga maka ia tergantung kepada keizinan *murtabin*, yang mana jika ia tidak mengizinkannya maka ia akan membatalkannya (hibah) dan barang kekal menjadi aset cagaran, dan jika ia izinkan maka hukumnya adalah harus (hibah) kerana apa yang telah kami sebutkan, dan pada ketika itu terbatalah *Rahn*, kerana hilanglah dari miliknya tanpa ada ganti. (al-Kasani, 1990, 6:146)

Di sini juga jelas dinyatakan bahawa keizinan yang wujud dalam mazhab Hanafi adalah ketika kontrak *rahn* masih berjalan dan bukan ketika penyelesaian hutang (*debt settlement*) kerana sesudah penyelesaian hutang dibuat maka pemilik aset bebas untuk melakukan apa sahaja yang diinginkan terhadap asetnya tanpa ada sekatan lagi. Begitu juga jelas dari teks di atas bahawa keizinan dalam mazhab Hanafi bermaksud pengguguran hak tuntutan ke atas aset yang dicagarkan dan pembatalan akad *rahn* sendiri.

Sebenarnya soal keizinan pemegang cagaran adalah tonggak kepada isu ini. Maksud keizinan sebagaimana apa yang difahami dari perbahasan para fuqaha berkaitan *hibah al-Rahn*/*hibah al-Marhun* ialah keizinan untuk membatalkan cagaran bagi membolehkan akad hibah berlaku, bukan keizinan sesudah akad *rahn* selesai dan pembayaran hutang dilunaskan. Ketika hutang sudah dilunaskan, maka sebenarnya bank sudah tiada hak lagi untuk menentukan kedudukan aset tersebut kerana ia sudah tiada kena mengena lagi dengan hutang. Anggapan bahawa bank memberi keizinan sesudah hutang dibayar adalah anggapan yang perlu diperhalusi. Jika bank melakukan juga perkara

tersebut maka ia juga melakukan perkara yang dilarang oleh Syarak kerana bank telah memberi keizinan kepada sesuatu yang tiada hak ke atasnya.

Sebenarnya isu larangan menghibahkan aset yang dicagarkan ini adalah sesuatu yang telah disepakati oleh para ulama keempat-empat mazhab. Bahkan Ibn Munzir mengatakan bahawa ia adalah perkara yang telah diijmakkan ulama. Kata Ibn Munzir (2004):

وَأَجْمَعُوا عَلَى أَنَّ الرَّاهِنَ مَمْنُوعٌ مِنْ بَيْعِ الرَّهْنِ، وَهَبْتَهُ، وَصَدَقْتَهُ، وَإِخْرَاجِهِ مِنْ يَدِ مَنْ رَهْنَهُ، حَتَّى يَبْرَأَ
مِنْ حَقِّ الْمُرْتَهِنِ

Dan para ulama telah berijmak bahawa pencagar (penghutang) adalah dilarang dari menjual aset cagaran, juga menghibahkannya dan bersedekah menggunakannya dan mengeluarkannya dari tangan orang yang menggadaikannya/pemilik, sehinggalah selesai hak pemegang cagaran. (Ibn Munzir, 2003: 87).

Kenyataan *ijma'* ini sebenarnya adalah satu kenyataan yang sangat jelas dan hujah yang sangat kuat, iaitu melarang hibah aset cagaran sebelum hutang dilunaskan sepenuhnya. Ini kerana dari segi kekuatan dalil, hukum yang berdasarkan *ijma'* adalah dalil Syarak yang ketiga sesudah al-Quran dan al-Sunnah dan juga bersifat *qat'ie*. Mana-mana hukum dibuat yang berlawanan dengan *ijma'* adalah dilarang keras dalam Islam dan dicela. Ini adalah berdasarkan dalil al-Qur'an dalam surah al-Nisa' ayat 115 yang berbunyi:

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصْلِهِ جَهَنَّمَ
وَسَاءَتْ مَصِيرًا

Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali. (al-Quran, 4:115)

Ibn Hazm dalam menerangkan tentang ayat ini menyebutkan:

Barang siapa yang terpesong dari persepakatan atau ijma' sesudah ia mengetahuinya atau dibentangkan dengan jelas bukti kepadanya maka ia termasuk dalam celaan dan larangan dalam ayat ini. (Ibn Hazm, 1982, p.7)

Ibn Kathir (n.d.) juga menyebutkan pandangan imam al-Syafie yang mengatakan bahawa ayat di atas adalah dalil menunjukkan kehujahan al-Ijma' sebagai sumber rujukan utama Syariah.

Namun sekiranya ada pandangan yang mengatakan bahawa isu ini bukanlah perkara yang diijmakkan ulama kerana sebahagian kecil ulama seperti ulama dari mazhab Zahiri membenarkan *tasarruf* ke atas aset bercagar termasuk hibah maka ia adalah hujah yang tidak boleh diterima kerana jika mengikut pendapat ibn Hazm sendiri, beliau mengatakan bahawa apabila adanya *tasarruf* ke atas aset yang dicagar sebagai contoh hibah, maka ia membatalkan akad cagaran itu sendiri dan hutang menjadi tidak dilindungi (*unsecured*) (Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'an al-Islamiyyah, 2002) sedangkan realitinya aset masih lagi kekal menjadi cagaran dan Borang 16A masih lagi berjalan. Kata Ibn Hazm (n.d.):

فإن مات الرهن، أو تلف، أو أبق، أو فسد، أو كانت أمة فحملت من سيدها، أو أعتقها، أو باع الرهن، أو وهبه، أو تصدق به، أو أصدقه فكل ذلك نافذ، وقد بطل الرهن وبقي الدين كله بحسبه.

Jika mati aset yang digadai, atau musnah atau hamba yang lari atau rusak atau hamba wanita yang melahirkan anak tuannya atau hamba wanita (aset cagaran) yang dibebaskan tuannya, atau aset dijual atau dihibah atau disedekahkan maka semua itu adalah transaksi yang terlaksana dan terbatalah rahn dan kekallah hutang semuanya dengan keadaannya (tanpa adanya cagaran). (Ibn Hazm, n.d., 6:371)

Selain itu, sebahagian pendapat dari mazhab Maliki membenarkan hibah aset bercagar jika penghibah/pemilik aset itu adalah seorang yang kaya/*musir*. Namun, jika ia seorang yang susah maka hibahnya adalah tidak sah (Al-Sawi, n.d.). Seandainya hibah dibuat oleh orang yang kaya maka implikasinya adalah hutang perlu dibayar segera untuk membolehkan hibah dilaksanakan ketika itu juga dan bukanlah sehingga menunggu penyelesaian hutang. Ini juga tidak selari dengan realiti semasa, yakni aset masih kekal sebagai cagaran sehingga hutang dilunaskan.

Berdasarkan apa yang dibincangkan di atas dalam isu keizinan, jelas bahawa dari segi Syariah, keizinan semasa waktu *rahn* berjalan adalah dengan erti kata bahawa *rahn* perlu dibatalkan untuk membolehkan hibah mengambil tempat, dan bukanlah keizinan untuk membenarkan hibah ketika hutang masih wujud atau sesudah *rahn* dan hutang diselesaikan.

Isu *gharar* pada praktis amalan sambung bayar – kerana hibah hanya berlaku pada bahagian yang sudah dibayar sahaja.

Antara isu yang turut berkaitan dengan hibah aset bercagar ialah wujudnya *gharar* pada kadar harta yang dihibahkan, serta ketidakpastian berhubung peranan penghibah dan penerima hibah dalam penyelesaian hutang bagi aset yang dicagarkan sekiranya MRTT atau MLTT tidak mampu menyelesaikan baki hutang (Etiqa, 2025, Properly; 2020). Ini kerana sesetengah produk hibah aset bercagar ini menyebutkan bahawa seandainya hutang tidak dapat diselesaikan oleh MRTT atau MLTT atau sebab-sebab tertentu maka penerima hibah bersetuju membayar baki hutang (Al-Salihin Trustee Berhad, 2024) untuk membolehkan hibah tersebut terlaksana dan aset berpindah milik. Hal ini menimbulkan isu *gharar*/ tidak jelas pada bahagian aset yang dihibahkan oleh pembuat hibah ketika mana hibah dibuat.

Sebagai contoh, ketika deklarasi hibah dibuat, diandaikan bahawa penghutang telah melunaskan 50% daripada hutangnya. Namun, sekiranya beliau diberhentikan kerja dan selepas suatu tempoh tidak lagi mampu meneruskan bayaran, maka bagi mengelakkan rumah daripada dilelong, penerima hibah akan melunaskan bayaran baki tersebut. Persoalan Syariah yang timbul ialah berapakah kadar jumlah aset yang dihibahkan? Hal ini kerana wujud ketidakjelasan pada kadar hibah iaitu jumlah sewaktu hibah dibuat (50% sebagai contoh) dan jumlah terakhir ketika hutang diselesaikan (100%). Jelas bahawa dalam situasi ini, memandangkan MRTT atau MLTT tidak dapat menyelesaikan baki hutang, penerima hibah terpaksa membayar baki tersebut (50% sebelum ditolak rebat) bagi memperoleh aset yang dihibahkan. Keadaan ini bertentangan dengan maksud hibah yang merujuk kepada pemindahan pemilikan secara percuma (*biduni 'Iwadh*) sedangkan penerima hibah terpaksa membayar baki hutang untuk mendapat barang hibahnya (BNM, 2016).

Berdasarkan kaedah fiqh yang bermaksud “*Apa yang diambil kira dalam akad adalah tujuan dan maksud atau dilihat kepada lafaz dan bentuk ayat*” (al-Suyuti, 1983) maka hibah yang mensyaratkan bahawa adanya bayaran dari penerima cagaran boleh ditakrifkan sebagai jual beli dan bukanlah hibah dalam konteks yang sebenar sama ada hibah dengan kaedah sambung bayar atau penyelesaian penuh oleh penerima hibah. Dalam hal ini, meskipun pada awalnya pemberi hibah menggunakan lafaz hibah namun isi kandungan berlaku adalah terjadinya pemindahan pemilikan dengan pertukaran (Ismail et al., 2020). Ini bukanlah hibah dalam maksudnya yang sebenar dan

juga tidak selari dengan maksud hibah sepertimana yang dinyatakan oleh BNM dalam polisi dokumennya (BNM, 2016).

Selain itu, hibah dengan bayaran juga boleh ditakrifkan sebagai *hibah bi thawab*, iaitu hibah dengan bayaran. Dari segi hukum pula fuqaha menyatakan bahawa *hibah bi thawab* sebenarnya mengambil hukum jual beli dan bukan hibah dengan erti kata yang sebenar walaupun menggunakan terminologi hibah yang sama. Kata Syeikh Zakariya al-Ansari:

والهبة إن أطلقت فلا ثواب وإن كانت لأعلى أو قيدت بثواب مجهول فباطلة أو بمعلوم فيع.

Dan hibah itu jika disebut secara *Mutlaq* maka tidak ada *thawab*/bayaran dan jika hibah kepada orang yang lebih tinggi atau dikaitkan dengan bayaran yang tidak diketahui maka hukumnya adalah terbatal atau jika disebutkan bayaran yang dimaklumi maka ia adalah jual beli pendapat yang sahih dalam mazhab bahawa jika disyaratkan *thawab* yang tidak diketahui maka hibah adalah terbatal, atau jika dengan harga yang dimaklumi maka ia adalah dikira sebagai jual beli. (al-Ansari, 1997; 92)

Begitu juga, sekiranya bayaran baki yang dibuat oleh penerima hibah ditakyifkan sebagai *tabarru'* sahaja, iaitu seseorang yang membantu membayarkan hutang orang lain secara sukarela, maka *takyif* ini juga tidak dapat diterima. Hal ini kerana perkara tersebut tidak dinyatakan dalam deklarasi hibah, dan tindakan itu bukanlah bentuk tolong-menolong yang sebenar, sebaliknya dilakukan untuk memperoleh manfaat tertentu iaitu mendapatkan harta. Oleh itu, ia termasuk dalam kategori akad *mu'awadah*/pertukaran, sama seperti jual beli dan *hibah bi thawab*.

Begitu juga sekiranya ia ditakyifkan sebagai akad jaminan, yang menjadikan penerima hibah sebagai pihak yang menjamin pembayaran bagi aset hibah, *takyif* ini juga tidak sesuai kerana sifat penjamin ialah membantu atau memberi pinjaman sahaja, dan bukan menjadi pemilik. Dari sudut Syariah, penjamin berhak menuntut semula jumlah yang telah dibayar kepada pihak yang dijamin sedangkan ciri itu tidak wujud dalam konteks produk hibah aset bercagar ini. Bahkan, jika penjamin membuat jaminan secara *tabarru'* sekalipun, maka ia tidak mempunyai hak untuk menuntut semula bayaran jaminan yang telah dibuatnya. (AAOIFI, 2010; Ali Haidar, 1991).

Dalam isu ini juga jelas bahawa hibah yang memerlukan bayaran adalah bertentangan dengan keputusan BNM yang mendefinisikan hibah bahawa ia adalah sesuatu akad yang tidak memerlukan bayaran seperti dinyatakan dalam Polisi Dokumen (PD) Hibah iaitu “Hibah refers to a transfer of ownership of an asset from a donor (wahib) to a recipient (mawhub lahu) **without any consideration.**” (BNM, 2016).

Isu berkaitan aset cagaran yang dilindungi oleh MRTT atau MLTT

Berdasarkan penelitian, kebanyakan produk hibah aset bercagar ini menyatakan bahawa hibah aset dalam cagaran adalah dibenarkan dengan syarat bahawa aset tersebut dilindungi oleh takaful sama ada *Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT)* atau *Mortgage Level Term Takaful (MLTT)* (Wasiyah Shoppe, 2024; al-Salihin Trustee, 2024). Ini bagi memastikan bahawa hak bank sebagai pemegang cagaran dilindungi sebaiknya dengan perlindungan takaful yang dapat menyelesaikan baki hutang tersebut (Said & Ayub, 2021). Apa yang jelas dari justifikasi ini ialah adanya anggapan bahawa *'illah* larangan menghibah aset adalah kerana memudaratkan hak pemegang cagaran. Maka, sekiranya ia dapat diatasi dengan adanya MRTT atau MLTT, dianggap bahawa isu Syariah tidak lagi timbul.

Dari segi zahirnya, hujah ini selari dengan kaedah penetapan hukum dalam Islam. Hal ini kerana *'illah* adalah punca sesuatu hukum, serta kewujudan *'illah* membawa kepada kewujudan hukum dan begitulah juga sebaliknya. Dalam isu yang sedang dibincangkan ini, larangan Syarak terhadap hibah ke atas aset yang sedang dicagarkan adalah bertujuan melindungi hak dan kepentingan pemegang cagaran. Perlindungan takaful dianggap dapat memenuhi tujuan tersebut, dan hujah ini kelihatan selari dengan salah satu sifat *'illah*/punca hukum iaitu *al-Dawran* atau *al-Tard wa al-Aks*, iaitu hukum berlegar mengikut kewujudan atau ketiadaan *'illah*. Justeru, apabila ada *'illah*

maka ada hukum, dan jika tiada *'illah*, maka tiadalah hukum (al-Syirazi, n.d.; al-Isnawi, 1999). Kata imam al-Razi (1997):

ومعناه أن يثبت الحكم عند ثبوت وصف وينتفى عند انتفائه

Maksudnya (*Danran*) iaitu bahawa hukum wujud ketika mana wujudnya sifat (*'illah*) dan tiada hukum ketika mana tiadanya *'illah*. (al-Razi, 1997, 5:207)

Kebenaran hibah aset bercagar yang dilindungi MRTT atau MLTT ini juga selari dengan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor yang berbunyi:

9: Hibah harta dalam gadaian adalah sah sekiranya harta yang dihibahkan (mawhub) dilindungi oleh takaful seperti MRTT dan MLTT atau mendapat keizinan daripada pemegang gadaian. (Warta Kerajaan Selangor, 2021).

Walaupun jelas bahawa fatwa di atas membenarkan hibah aset bercagar namun perlu dikaji adakah MRTT dan MLTT dapat menyelesaikan isu Syariah berbangkit iaitu perlindungan kepada hak pemegang cagar. Jika diperhatikan sebenarnya ada kemungkinan yang keduanya tidak dapat melindungi sepenuhnya pemegang cagar. Ini kerana ada situasi yang MRTT dan MLTT tidak dapat memberi perlindungan sepatutnya, seperti jika pelanggan jatuh bankrap dan tidak mampu untuk membayar hutang, atau dibuang kerja dan sebagainya. Dalam situasi ini, oleh kerana ia tidak termasuk dalam perlindungan yang diberikan oleh MRTT atau MLTT, maka pihak pelanggan sendiri yang terpaksa membayarnya dan jika tidak mampu juga, aset akan dilelong untuk mendapatkan bayaran baki hutang. MRTT dan MLTT hanya melindungi dalam situasi kematian dan kecacatan kekal sahaja (*death, total permanent disability*) dan selain keduanya tiada perlindungan diberikan. Begitu juga dalam perlindungan MRTT dan MLTT sendiri, terdapat beberapa senarai pengecualian perlindungan (*list of exclusions*) seperti bunuh diri, kematian disebabkan AIDS, disebabkan oleh pengaruh alkohol dan sebagainya, bergantung kepada polisi sesebuah syarikat.

Di sini jelas bahawa kewujudan perlindungan MRTT atau MLTT tidak dapat melindungi sepenuhnya pihak bank dari risiko kemungkiran pembayaran oleh pembuat hibah. Berdasarkan perkara ini, maka *'illah* larangan menghibah aset dalam cagar masih kekal sekalipun ia dilindungi oleh MRTT dan MLTT. Hal ini selaras dengan kaedah Usul Fiqh yang dijelaskan sebelum ini. Justeru, larangan menghibah aset dalam cagar (*hibah marhun*) masih kekal. Keadaan ini juga selari dengan dokumen cagar (Borang 16A) yang masih berkuat kuasa dan belum ditarik balik oleh pihak bank sebagai pemegang cagar.

Isu *qabd* dalam hibah

Selain itu, berkaitan dengan hibah ke atas barang yang dicagar ialah isu berlakunya perpindahan hak milik. Dalam mazhab Syafie, pemilikan hibah bagi barang yang dicagar tidak dianggap berlaku selagi hutang masih wujud kerana *qabd* bagi akad hibah masih belum sempurna. *Khilaf* dalam mazhab Syafie hanya timbul tentang sama ada pemilikan hibah berlaku secara automatik apabila harta bebas daripada cagar, atau ia memerlukan akad hibah yang baharu pada waktu tersebut (iaitu selepas harta bebas daripada cagar dan hutang diselesaikan). Namun, apa yang pasti ialah perpindahan hak milik dan pelaksanaan *qabd* tidak berlaku semasa harta berada dalam tempoh cagar. Kata imam al-Juwayni (2007, 8: 413):

وذكر طائفة من أصحابنا في صحة هبة المرهون وجهين: أحدهما - البطلان؛ قياساً على البيع .
والثاني - الصحة، ومعناه البناء على الانتظار، فإن بيع الرهن في حق المرتهن، تبيناً بطلان الهبة.
وإن انفك الرهن، فالخيرة إلى الراهن الواهب. فإن أقبض، حصل الملك

Dan sebahagian dari ulama mazhab kami menyatakan bahawa hibah harta bercagar ada dua pendapat iaitu salah satunya ialah terbatal, kerana diqiyaskan kepada jual beli, dan pendapat yang kedua adalah dibenarkan, dan maksudnya diasas prinsip *intizar* (menunggu sehingga hutang selesai dilangsaikan). Dan jika barang jualan dijual kerana menjelaskan hak penerima cagaran maka jelaslah pada ketika itu bahawa hibah adalah terbatal. Dan jika dipisahkan *rahn* (kerana hutang telah selesai) maka pada ketika itu pilihan di tangan penggadai/pemberi hibah yang mana jika memberi *qabd* (kepada penerima hibah) maka berhasillah pemilikan. (al-Juwayni, 2007, 8: 413)

Kata beliau lagi (8:428):

فإن حكمنا ببطالان هبة المرهون، وهو المذهب والقياس، فلا يصح الرجوع من الواهب مع استمرار الرهن. وإن قلنا: هبة المرهون تصح، فلو رجع الواهب في المرهون، صح رجوعه

Dan jika kita menghukumkan terbatalnya hibah aset yang dicagar dan ia adalah pendapat yang terpegang dalam mazhab dan ianya juga selari dengan qiyas maka tidak sah menarik balik hibah selama mana cagaran sedang berjalan. Dan jika kita kata bahawa hibah barang yang dicagar itu adalah sah maka kalaulah pemberi hibah itu menarik semula hibahnya maka sahlah penarikan semula itu. (al-Juwayni, 2007, 8: 428)

Seandainya kita berpegang dengan pendapat kedua dalam mazhab Syafie yang mengharuskan hibah harta bercagar sekalipun, maka perlu menunggu (*intizar*) status terakhir barang gadaian. Seandainya barang gadaian terpaksa dilelong disebabkan penghutang tidak mampu membayar hutangnya maka hibah adalah terbatal. Dan jika hutang berjaya diselesaikan tanpa menjual aset gadaian, maka pihak pembuat hibah boleh meneruskan hibahnya, atau jika ia mahu maka ia juga boleh menarik semula dan membatalkan hibahnya. Sebenarnya pada ketika itu, hibah yang dibuat ketika akad *rahn* sedang berjalan adalah seperti tidak wujud dan tidak sah sehingga memerlukan akad baru sepertimana yang dibahaskan pula oleh imam al-Ghazali (1997). Kata beliau:

وَاخْتَلَفُوا فِي أَنَّ هِبَةَ الْمَرْهُونِ هَلْ تَفِيدُ الْمَلِكَ عِنْدَ فَكِّ الرَّهْنِ أَمْ يَفْتَقِرُ إِلَى إِعَادَتِهِ مَعَ أَنَّ الْقَطْعَ بِأَنَّ تَغْلِيْقَ الْهَيْبَةِ لَا يَجُوزُ وَأَنَّ بَيْعَ الْمَرْهُونِ بَاطِلٌ لِأَنَّ الْهَيْبَةَ لَا تَوْجِبُ الْمَلِكَ بِنَفْسِهَا بِخِلَافِ الْبَيْعِ

Dan para ulama kami berbeza pendapat tentang hibah aset bercagar adakah ia memberi milik ketika ia dilepaskan dari gadaian atau perlukan kepada akad yang baru sedangkan telah diputuskan bahawa hibah secara taklik adalah tidak harus (ia perlu akad baru) dan juga penjualan aset yang dicagar adalah tidak sah kerana hibah tidak memberi milik dengan sendiri berbeza dengan jual beli. (al-Ghazali, 1997, 4:268)

Bahkan menurut mazhab Maliki sendiri yang mengharuskan hibah harta yang dicagar, mereka mensyaratkan pula bahawa pemilikan melalui hibah mestilah segera dilaksanakan dan barang mesti diserahkan kepada penerima hibah. Kata Imam al-Gharnati (n.d.):

وتجوز هبة المشاع خلافاً لأبي حنيفة. وتجوز هبة المرهون بقيد الملك، ويُجَبَّرُ الواهب على افتكاكه له ومنعه الشافعي.

Dan diharuskan hibah harta musya` berbeza pendapat dengan pendapat Abu Hanifah, dan juga harus hukumnya hibah harta yang dicagar dengan syarat adanya

pemilikan, dan dipaksa penghibah untuk menarik harta tersebut (dari pemegang cagaran), dan ianya dilarang oleh mazhab Syafie. (al-Gharnati, n.d., 241)

Ini juga merupakan sesuatu yang tidak dapat dilaksanakan dalam hibah aset bercagar kerana telah ada *qabd* melalui akad *rahn*, iaitu cagaran ke atas barang yang sama apatah lagi aset tersebut adalah sebagai *security* atau jaminan penting bagi pembiayaan dan pembayaran hutang.

Selain itu juga, hibah barang bercagar dilihat bertentangan dengan Polisi Dokumen *Rahn*, yang mana ia menyebutkan bahawa:

G 15.1 The collateral may be utilised by the owner with or without the consent of the pledgee.

S 15.2 In relation to paragraph 15.1, **the utilisation by the owner must not affect the rights of the pledgee on the collateral.**

Walaupun *tasarruf*/pengurusan barang bercagar termasuk hibah, wakaf dan jual beli dengan keizinan pemegang cagaran adalah dibenarkan namun dikira sebagai telah membatalkan dan menfasakhkan kontrak *rahn* itu sendiri sebagaimana disebutkan oleh PD *Rahn* (11).

26 Dissolution of Rahn

26.1 The rahn contract shall dissolve under any of the following circumstances:

- (a) destruction of collateral caused by force majeure or by actions other than misconduct, negligence or breach of specified terms;
- (b) termination of the rahn contract by the pledgee;
- (c) termination or mutual cancellation (*iqalah*) of the contract that the collateral is pledged to; or
- (d) **disposal of collateral by the owner with the consent of the pledgee, resulting in the transfer of ownership of the collateral through contracts such as sale, hibah and waqf.**

Berdasarkan polisi dokumen di atas berkaitan isu yang sedang dibincangkan, ianya jelas menunjukkan bahawa hibah boleh mengganggu hak cagaran kerana aset telah dihibah atau dipindah milik kepada pihak lain. Oleh itu, hibah tidak dibenarkan ke atas aset yang sedang dicagarkan. Sebaliknya, jika dikatakan bahawa hak bank terhadap aset cagaran masih kekal, timbul persoalan tentang bagaimana perpindahan hak milik aset boleh berlaku dalam masa yang sama?. Atas dasar inilah mazhab Syafie walaupun membenarkan hibah aset yang dicagar namun di sisi mereka perlu ditunggu (*intizar*) sehingga hutang dilangsaikan dahulu, sebagaimana yang disebutkan oleh imam al-Juwayni dan imam al-Ghazali sebelum ini.

Isu berbilang-bilang *qabd* dalam masa yang sama

Qabd bermaksud pegangan atau penguasaan (*possession*) dan objektifnya ialah kemampuan untuk pengurusan/*tasarruf* sebagaimana yang diinginkan oleh pemiliknya (atau mereka yang diberikan kuasa menguruskannya) (AAOIFI, 2010). *Qabd* menunjukkan kawalan dan penguasaan penuh terhadap sesuatu aset dan merupakan manifestasi kepada pemilikan/*ownership* itu sendiri. *Qabd* diperlukan untuk menjadikan sesuatu akad itu sempurna, dan sesuatu yang telah di*qabd* oleh satu pihak maka tidak boleh lagi di*qabd* oleh pihak lain kerana maksud *qabd* itu sendiri ialah penguasaan dan kemampuan untuk mengurus sesuatu aset.

Justeru dalam isu yang sedang dibincangkan ini, jika aset bercagar telah di*qabd* oleh pihak bank melalui akad cagaran/*rahn* maka bagaimana pula aset yang sama dan dalam masa yang sama boleh di*qabd* oleh penerima hibah? Melainkan terdapat keizinan daripada pihak bank untuk menggugurkan *qabd* yang dipegangnya terhadap aset tersebut di bawah akad *rahn* dan membiarkan

pihak penerima hibah membuat *qabd* selepas itu, maka barulah pada ketika itu akad kedua (hibah) menjadi sah.

Jika diperhatikan bahawa *qabd* adalah sesuatu yang telah disepakati keperluannya dan perlu dipenuhi, serta perlu dipastikan tiada perkara yang boleh mengganggu kesahihan dan status sesuatu *qabd*, sebagaimana yang dinyatakan dalam polisi dokumen berkaitan. Dalam soal kewajipan *qabd* dalam akad *rahn*, ia jelas berdasarkan PD *Rahn* BNM yang menyatakan bahawa:

Possession of Collateral

S 14.7 Unless a pledgee approves a delay in possession, the collateral shall be immediately possessed by the pledgee upon entering into rahn contract.

S 14.8 Possession of collateral by the pledgee shall be in the form of— (a) physical possession (qabd haqiqi); or (b) constructive possession (qabd hukmi).

G 14.9 The contracting parties may mutually agree for the possession of the collateral to be transferred to a third party for safekeeping.

Apa yang dinyatakan oleh PD *Rahn* yang menerangkan tentang keperluan *qabd/possession* untuk akad *rahn* di atas juga adalah selari dengan apa yang dibahasakan oleh para fuqaha. Kata Imam al-Syafie sebagaimana yang dinaqalkan oleh al-Imrani (2000, 18:6):

قال الشافعي رحمه الله: (والقبض في العبد والثوب وما يحول: أن يأخذه مرتهنه من يد راهنه، وقبض ما لا يحول من أرض أو دار: أن يسلمه بلا حائل). وهذا كما قال: القبض في الرهن كالقبض في البيع. فإذا رهنه ما ينقل، مثل: الدراهم، والدنانير، والثياب.. فقبضها أن يتناولها، وينقلها من مكان إلى مكان. وكذلك: إذا رهنه عبداً أو بهيمة فقبض العبد أن يأخذه بيده، وينقله من مكان إلى مكان، وفي البهيمة أن يقودها أو يسوقها من مكان إلى مكان.

Berkata Imam al-Syafie RH; Dan *qabd* dalam gadaian hamba dan pakaian dan apa juga yang boleh dipindah (movable asset) ialah dengan cara pihak murtahin (pemegang cagaran) mengambilnya dari tangan pembuat cagaran/rahin barang tersebut, manakala *qabd* aset tetap seperti tanah atau rumah pula ialah ia menyerahkannya kepada murtahin tanpa ada halangan. Dan ini sepertimana yang dikata beliau: *Qabd* dalam kontrak cagaran sama seperti *qabd* dalam akad jual beli. Apabila ia menggadaikan sesuatu yang boleh dipindah seperti dirham dan dinar dan pakaian ...maka *qabdn*ya adalah dengan ia memegang dan mencapainya dan ia boleh memindahkannya dari satu tempat ke tempat yang lain, sama seperti jika ia mencagarkan hamba atau binatang maka *qabd* hamba adalah dengan memegang tangannya dan memindahkannya dari satu tempat ke tempat yang lain, dan bagi binatang pula bahawa ia membawa binatang dari satu tempat ke tempat yang lain. (al-Imrani, 2000, 18:6)

Begitu juga keperluan untuk *qabd* dalam cagaran merupakan perkara yang disepakati oleh semua mazhab, walaupun mereka berbeza pandangan sama ada ia merupakan syarat kemestian atau syarat kesempurnaan sahaja. Bagi jumhur ulama dari mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali, *qabd* dalam *rahn* adalah syarat *lazim*/mengikat dengan maksud bahawa *qabd* adalah keperluan untuk menjadikan *rahn* itu sah, dan tanpa *qabd* aset cagaran, *rahn* masih belum sempurna. Bagi mazhab Maliki pula, mereka berpandangan bahawa *qabd* bukan syarat penentu bahkan ia sekadar galakan untuk kesempurnaan sahaja, dengan maksud tanpa *qabd* sekalipun, akad dan lafaz ijab qabul telah menjadikan akad *rahn* itu menjadi akad yang *lazim* dan aset itu telah sah dicagarkan (Ibn Rusyd, 1999). Berdasarkan hal ini di samping kewujudan Borang 16A juga menunjukkan bahawa telah

berlaku *qabd* terhadap harta yang dicagarkan di bank, dan *qabd* membawa maksud bahawa harta tersebut tidak boleh dipindah milik oleh mana-mana pihak tanpa keizinan pemegang *qabd*.

Begitu juga bagi akad hibah pula, Polisi Dokumen Hibah BNM (2016) juga jelas menyatakan keperluan untuk *qabd* bagi aset yang dihibahkan sepertimana dinyatakan di bawah:

14. Effect of hibah

S 14.1 Hibah shall take effect upon—

- (a) the recipient, his guardian (in respect of the recipient who is a minor) or his agent (wakil) taking possession of the hibah asset;
- (b) or (b) fulfilment of the condition(s) stipulated in the hibah arrangement in the case of conditional hibah; at which point ownership of a hibah asset must transfer from the donor to the recipient.

S 14.2 Possession of hibah asset shall take place when—

- (a) the donor releases ownership of the asset (takhliyah) to the recipient through any mechanism permitted by Shariah including customary business practice ('urf tijari);
- (b) and (b) the recipient has access to the asset (tamkin) and assumes ownership risk.

S 14.3 Possession of the hibah asset must either be in the form of physical possession (*qabd haqiqi*) or constructive possession (*qabd hukmi*).
(BNM, 2016)

Apa yang dapat difahami dari keputusan Syariah BNM berkaitan hibah di atas ialah, *qabd* memberi maksud hak pemilikan dan pengurusan ke atas aset yang dihibahkan. Jelas bahawa jika hibah terhadap aset bercagar dibenarkan, ia akan mewujudkan pertentangan antara *muqtada*/kehendak akad hibah dan akad *rahn*. Keadaan ini seterusnya akan membawa kepada dua *qabd* yang berlaku serentak, iaitu *qabd* dalam akad *rahn* dan *qabd* dalam akad hibah. Hal ini tidak dapat diterima kerana *qabd* itu sendiri bermaksud pegangan, penguasaan dan kawalan; justeru tidak boleh diterima bagi aset yang sama dan pada dalam yang sama tetapi di*qabd* oleh dua akad yang berbeza.

Selain itu juga, dalam isu sama ada *qabd* merupakan syarat dalam akad hibah atau tidak, secara umumnya terdapat dua pandangan fuqaha. Pandangan pertama iaitu pandangan dari mazhab Maliki dan Hanbali yang berpendapat bahawa *qabd* tidak disyaratkan, dengan maksud akad hibah menjadi *lazim* dan sempurna melalui *ijab* dan *qabul* tanpa memerlukan *qabd*. Pandangan kedua iaitu pendapat mazhab Hanafi dan Syafie yang melihat bahawa akad hibah adalah tergantung dan tidak menjadi *lazim* sehinggalah barang tersebut di*qabd* oleh penerima yang mana pada ketika itu barulah akad dianggap sempurna dan *lazim* (Ibn Rusyd, 1999).

Begitu juga, ketika membincangkan tentang satu kaedah fiqh *al-Masyghul La Yusyagghal* (sesuatu yang telah sibuk maka ia tidak boleh disibukkan dengan yang lain), para ulama ada membahaskan beberapa contoh akad yang dibuat sesudah dari akad pertama itu menjadi *lazim* yang mana mereka menyebutkan bahawa jika akad kedua dibuat bukan dengan orang yang sama maka jika ianya membatalkan hak akad yang pertama maka ianya dihukumkan sebagai *lagha*/sia-sia. Ianya sepertimana seseorang yang mencagarkan asetnya lalu ia menjualnya tanpa ada keizinan dari pemegang cagaran maka hukum jualan adalah terbatal. Namun jika ia tidak membatalkan hak dalam akad pertama maka hukumnya adalah sah seperti seseorang yang menyewakan rumahnya kemudian ia menjualnya kepada orang lain maka hukum sewaan adalah sah kerana ia pada dua tempat yang berbeza iaitu barang (akad jualan) dan manfaat (akad sewaan) dan keduanya boleh berjalan serentak kerana tiada pertentangan antara keduanya. Kata al-Suyuti, 1983:

وَاعْلَمْ أَنَّ إِبْرَادَ الْعَقْدِ عَلَى الْعَقْدِ ضَرْبَانِ: أَحَدُهُمَا: أَنْ يَكُونَ قَبْلَ لُزُومِ الْأَوَّلِ وَإِتْمَامِهِ، فَهُوَ إِبْطَالُ لِلْأَوَّلِ إِنْ صَدَرَ مِنَ الْبَائِعِ كَمَا لَوْ بَاعَ الْمُسَبِّعُ فِي زَمَنِ الْخِيَارِ، أَوْ أَجَرَهُ أَوْ أَعْتَقَهُ فَهُوَ فَسْخٌ وَإِمْضَاءٌ لِلْأَوَّلِ إِنْ صَدَرَ مِنَ الْمُشْتَرِي بَعْدَ الْقَبْضِ. الثَّانِي: أَنْ يَكُونَ بَعْدَ لُزُومِهِ، وَهُوَ ضَرْبَانِ: الْأَوَّلُ: أَنْ يَكُونَ مَعَ غَيْرِ الْعَقْدِ الْأَوَّلِ، فَإِنْ كَانَ فِيهِ إِبْطَالُ الْحَقِّ الْأَوَّلِ. لَعَا، كَمَا لَوْ رَهَنَ دَارَهُ ثُمَّ بَاعَهَا بِغَيْرِ إِذْنِ الْمُرْتَهِنِ، أَوْ آجَرَهَا مُدَّةً يَحِلُّ الدَّيْنُ قَبْلَهَا، وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِيهِ إِبْطَالُ لِلْأَوَّلِ صَحَّ، كَمَا لَوْ أَجَرَ دَارَهُ ثُمَّ بَاعَهَا لِآخَرَ، فَإِنَّهُ يَصِحُّ لِأَنَّ مَوْرِدَ الْبَيْعِ: الْعَيْنُ، وَالْإِجَارَةُ الْمَنْفَعَةُ.

Dan ketahui olehmu bahawa mengadakan suatu akad ke atas akad yang lain ada dua jenis, yang pertama bahawa salah satunya dibuat sebelum akad pertama menjadi lazim dan sebelum ia sempurna, maka ia dikira membatalkan akad pertama jika ia dibuat oleh penjual seperti jika seseorang itu menjual barang jualan pada waktu khayar kepada orang lain, atau menyewakan barang tersebut atau membebaskannya maka ia dikira sebagai menfasahkan (khayar dengan pembeli pertama), dan juga ia dikira sebagai meneruskan jual beli jika ianya dilakukan oleh pembeli sesudah dari qabd barang. Yang kedua pula bahawa jika ia dibuat sesudah dari akad menjadi lazim dan ia terbahagi kepada dua iaitu yang pertama ialah jika ia dibuat bukan dengan pembuat akad pertama, yang mana jika membatalkan hak pengakad pertama maka akad tersebut dikira sebagai terbatal seperti seorang yang menggadaikan rumahnya kemudian ia menjualnya tanpa ada izin dari pemegang gadaian, atau ia menyewakannya dalam tempoh selesailah hutang sebelumnya (tempoh sewaan melebihi tempoh penyeleusaian hutang), dan jika ia tidak membatalkan hak pembuat akad pertama maka ia adalah sah seperti jika ia sewakan rumahnya kemudian ia menjual kepada orang lain maka sah jualannya kerana tempat kembalinya jual beli ialah barang manakala tempat kembalinya sewaan adalah manfaat (dua tempat yang berbeza) (al-Suyuti, 1983, 151).

Begitu juga ketika mana ulama mazhab Hanafi membincangkan tentang dua *qabd* iaitu dalam isu hibah ke atas harta yang memang telah berada di tangan seseorang seperti pemilik harta menghibahkan hartanya yang sedang berada di tangan penyimpan, atau hibah rumahnya yang diduduki bersama suami dan sebagainya maka mereka menyatakan ianya tidak memerlukan *qabd* lain kerana secara automatik ia telah di*qabd* kerana memang telah berada di tangan penerima hibah. Namun, ini berbeza dengan *qabd* dalam jual beli, yang mana walaupun aset memang telah berada di tangan penyimpan maka dalam situasi ini ia tetap perlukan *qabd* baru. Kata syeikh Munla (n.d.):

بِخِلَافِ الْبَيْعِ يَعْنِي إِذَا بَاعَ الْوَدِيعَةَ أَوْ نَحْوَهَا مِمَّنْ فِي يَدِهِ يَحْتَاجُ إِلَى قَبْضٍ جَدِيدٍ؛ لِأَنَّ الْبَيْعَ يَفْتَضِي قَبْضًا مَضْمُونًا وَقَبْضُ الْمُودَعِ قَبْضُ أَمَانَةٍ فَلَا يَنْبُؤُ عَنْ قَبْضِ الصَّامِنِ بَلْ يَحْتَاجُ إِلَى تَجْدِيدِ الْقَبْضِ: وَالْأَصْلُ فِيهِ أَنَّ الْقَبْضَيْنِ إِذَا تَجَانَسَا نَابَ أَحَدُهُمَا مَنَابَ الْآخَرِ لِاتِّحَادِهِمَا جِنْسًا، وَإِذَا اخْتَلَفَا نَابَ الْأَقْوَى عَنِ الْأَضْعَفِ بِلَا عَكْسٍ؛ لِأَنَّ فِي الْأَقْوَى مِثْلَ الْأَدْنَى وَزِيَادَةً وَلَيْسَ فِي الْأَدْنَى مَا فِي الْأَقْوَى

Berbeza dengan (hukum) jual beli. Maksudnya, apabila seseorang menjual barang *wadi'ah* atau seumpamanya kepada orang yang memegang barang itu, maka ia tetap memerlukan *qabd* (penyerahan) yang baharu. Hal ini kerana akad jual beli menuntut adanya *qabd dhamani* (penyerahan yang disertai jaminan liabiliti), sedangkan *qabd* oleh pemegang *wadi'ah* hanyalah *qabd amanah* (penjagaan amanah). Oleh itu, *qabd*

amanah tidak boleh menggantikan *qabd* yang disertai tanggungan, dan wajib dilakukan penyerahan Baharu. Dan prinsip yang dipegang dalam perkara ini ialah, dua *qabd* jika ia adalah dari jenis yang sama maka salah satunya boleh menggantikan tempat yang lain kerana sama jenis, dan jika ianya jenis yang berbeza maka *qabd* yang kuat akan menggantikan *qabd* yang lemah dan tidak boleh sebaliknya, kerana *qabd* yang kuat adalah sama dengan *qabd* yang lemah (dari segi kewujudan *qabd* itu sendiri) namun ia lebih lagi kerana lebih kuat. (Munla, n.d; 2:220)

Rumus dari perbincangan ulama di atas ialah, *qabd* akad berbeza bagi satu aset yang sama dan dalam masa yang sama adalah tidak dibenarkan, apatah lagi sifat keduanya akad itu (*muqtada akad*) adalah bertentangan iaitu sifat *rahn* yang bersifat *lazim* dan tidak boleh diubah oleh pembuat gadaian dan juga sifat yang sama pada akad hibah sesudah *qabd* (al-Suyuti, 1983).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perbincangan mengenai hibah aset yang dicagarkan adalah sesuatu yang memerlukan perbincangan lanjut oleh pihak-pihak yang berkepentingan, terutama dalam perbankan Islam. Ia masih dikira sebagai produk berisiko dan sewajarnya produk sebegini diperhalusi sebelum ditawarkan kepada masyarakat awam kerana dibimbangi akan timbul isu *gharar* berkaitan ketidakmampuan untuk menyerahkan aset hibah, selain beberapa isu yang telah dibincangkan sebelum ini dan kesannya yang mana ia boleh menyebabkan kesahan akad hibah ini boleh dipertikaikan. Walaupun tidak dinafikan adanya keperluan untuk akad hibah sebagai salah satu cara untuk menguruskan perancangan harta (*estate planning*) dan mengatasi isu harta yang tidak diagihkan, namun ia hendaklah dilaksanakan dalam kerangka yang dibenarkan oleh Syarak (Abd Wahab et al., 2021). Selain itu, status hibah aset bercagar sama ada sah atau tidak turut berkaitan dengan hukum faraid, wasiat dan sebagainya. Hal ini kerana sekiranya hibah didapati tidak sah akibat isu-isu yang telah dibincangkan, maka perpindahan hak milik aset kepada penerima hibah adalah tidak sempurna, seterusnya menyebabkan aset kekal sebagai aset pemilik dan tertakluk kepada hukum faraid.

Bagi aset yang dicagarkan dengan bank Islam, adalah menjadi tugas pihak penasihat Syariah untuk memutuskan sama ada dibenarkan atau tidak menurut pandangan dan ijtihad mereka. Walaupun kebanyakan produk yang ditawarkan telah mendapat pengesahan Syariah dari penasihat Syariah masing-masing, namun dalam konteks perbankan Islam maka adalah menjadi tanggungjawab ahli Jawatankuasa Syariah bank tersebut untuk meneliti dan memutuskan sama ia mematuhi Syariah atau tidak. Pihak penasihat Syariah bank tidak boleh hanya menggunakan atau mengikut sahaja pengesahan Syariah yang dikeluarkan oleh pengeluar produk tersebut, termasuk produk yang berasaskan hibah terhadap aset yang sedang dicagarkan, tanpa meneliti ciri produk mengikut perspektif Syariah dan merujuk keputusan serta resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh BNM sebagai pengawal selia dalam perbankan Islam. (BNM, 2019).

PENGAKUAN

Artikel ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran penyelidikan bahkan ia adalah sepenuhnya ditanggung oleh penulis.

RUJUKAN

Abd Wahab, N., Maamor, S., Hashim, S., Zainol, Z., & Yaacob, H. (2021). Investigating tendencies of Malaysian Muslims in Islamic estate planning: Insight into its determinants. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 18(2), 127–140. <https://doi.org/10.33102/jmifr.v18i2.377>

- Abdullah, A. T. (2019). *Rancang harta: hibah, wakaf dan wasiat*. Pustaka Mizi
- Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). (2010). Shariah standards for Islamic financial institutions.
- Al-Ansari, A. Z. (1997). *Manhaj al-Tullab fi Fiqh al-Imam al-Syafie*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bakri, A. B. U. Shatta. (1997). *Hasyiah I'nanah al-Talibin 'ala Hill Alfaẓ Fath al-Mu'in* (4 Vol.). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bulqini, S. A. H. U. (2012). *Al-Tadrib fi al-Fiqh al-Syafie*. Dar al-Qiblatain.
- Al-Dibyan, D. M. (2010). *Al-Muamalat al-Maliyah Asalah wa Muasirah*.
- Al-Gharnati, A. J. K. (n.d.). *al-Qawanin al-Fiqhiyyah*. T.tp
- Al-Ghazali, A. H. M. M. (1997). *Al-Wasit fi al-Mazhab*. Dar al-Salam.
- Ali Haidar. (1991). *Duraru al-Hukkam Syarh al-Majallah al-Ahkam al-Adliyyah*. Dar al-Jail.
- Al-Imrani, Y. A. K. (2000). *Al-Bayan fi Mazhab al-Imam al-Syafie*. Dar al-Minhaj.
- Al-Isnawi, J. A. R. (1999). *Nihayah al-Sul Syarh al-Minhaj al-Wusul fi al-Ilmi al-Usul*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Juwayni, Y. M. (2007). *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*. Dar al-Minhaj.
- Al-Kasani, A. A. B. M. (1990). *Bada'ie al-Sana'ie fi Tartib al-Syara'ie*. Matba'ah Syarikat al-Matbuat al-Alamiyah.
- Al-Khin, M., Al-Bugha, M. & al-Sharbaji, A. (2002). *Fiqh al-Manhaji ala Mazhab al-Imam al-fmanSyafie*. Dar al-Qalam li al-Tabaat wa al-Nasyar wa al-Tawzi'.
- Al-Munzir, I. (2004). *Al-Ijmak*. Dar al-Muslim la al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Razi, 'U. A. H. (1997). *Al-Mahsul fi al-Ilmi al-Usul*. Muassasah al-Risalah.
- Al-Salihin Trustee Berhad. (2024). *Pri hibah (Hibah Declaration)*. <https://as-salihin.com/en/services/pri-hibah/>
- Al-Samarqandi, M. A. (1994). *Tuhfat al-Fuqaha'*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-San'ani, I. A. A. (2012). *Subulus Salam Syarh Bulugh al-Maram*. Dar Ibn al-Jawzi li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Sawi, A. M. (n.d.). *Hasyiyah al-Sawi ala Syarh al-Saghir*. Dar al-Maarif.
- Al-Suyuti, J. A. R. (1983). *Al-Aasybah wa al-Nazair fi al-Furu' wa al-Qawaid fiqh al-Syafieyyah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syirazi, M. A. (n.d.). *al-Luma' fi al-Usul al-Fiqh*. Surayaba: Syarikat Bungkul Indah.
- Al-Zanjani, M. A. (n.d). *Takebrij al-Furu' 'ala al-Usul*, ed. Dr Adib Salih. (Bayrut: Mu'assasah al-Risalah, t.t).
- Bank Negara Malaysia (BNM). (2016). *Hibah*. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/PD_Hibah.pdf/8d6ac6f9-9bb5-5780-005b-65a639c36f44?t=1592245213682
- Bank Negara Malaysia (BNM). (2018). *Rahn* (BNM/RH/PD 028-79). <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/761682/Rahn+PD.pdf>
- Bank Negara Malaysia (BNM). (2019). *Shariah Governance* (BNM/RH/PD 028-100). <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/761679/Shariah%2BGovernance%2BPolicy%2BDocument%2B2019.pdf>
- Etiqua. (2025). *Mortgage Reducing Term Takaful*. <https://www.etiqua.com.my/public-servants/mortgage-reducing-term-takaful>
- Hassan, A. A. & Yusop, Y. (2006). Perancangan Harta di Zar Perunding Pusaka Sdn. Bhd. Dalam S. M. Mahamood (Pnyt.), *Harta amanah orang Islam di Malaysia: perspektif undang-undang dan pentadbiran* (hal. 149–170). Penerbit Universiti Malaya.
- Ibn Hazm, S. (n.d.). *Al-Muhalla bi-al-Athar*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Ibn Rusyd. M. A. (1999). *Bidayah al-Mujtahid wa al-Nihayah al-Muqtasid*. Dar Ibn Hazam
- Ismail, R., Yaacob, S. E., & Muda, M. Z. (2020). Keperluan deklarasi hibah dan kekangannya dalam perancangan harta orang Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 5(2), 77–83. <https://www.ukm.my/jcil/wp-content/uploads/2020/12/JCIL-2020-52-Article-7.pdf>
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2024). *Perkhidmatan Hibah*. <https://mais.gov.my/perkhidmatan-hibah/>

- Mikail, S. I. A., & Arifin, M. (2014). Application of doctrine of judicial precedent in shariah courts. *Malaysian Court Practice Bulletin*, 2, 1–6. <https://ssrn.com/abstract=2405000>
- Moidin, S., Mat Rani, M. A., Adenan, F., Mohd Arif, M. I. A., Saiman, M. Z., Suyurno, S. S., Mamat, N., Ab. Hamid, M. H., & Rosli, M. S. D. (2023). Hibah amanah di industri kewangan Islam di Malaysia: Analisa isu syariah terhadap syarat akad hibah. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2), 48–59. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/673>
- Muda, M. Z., Rosdi, N., & Mohamed Said, N. L. (2022). Hibah amanah hartanah dan kekangan perundangan dalam perancangan harta orang Islam di Malaysia (The Trust Hibah of Real Property and its Constraints in Property Planning of Muslims in Malaysia). *UMRAN - Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9(3), 31–40. <https://doi.org/10.11113/umran2022.9n3.569>
- Muda, M. Z., Rosdi, N., & Said, N. L. M. (2023). Analisis perundangan dan kes hibah amanah di Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 23, 79–90. <https://journalarticle.ukm.my/21675/1/Mohd-Zamro-IJIT-Vol-23-June-2023-1.pdf>
- Properly. (2020). *Home Loan Insurance: MRTA, MLTA, MRTT & MLTT*. <https://properly.com.my/blog/home-loan-insurance-mrta-mlta-mrta-mltt/>
- Said, N. L. M., & Ayub, W. A. A. W. (2021). Pelaksanaan hibah harta bercagar dalam industri perancangan dan pengurusan harta orang Islam. *International journal of islamic thought*, 19, 89–101. https://www.ukm.my/ijit/wp-content/uploads/2021/05/IJIT-Vol-19-June-2021_10_89-101.pdf
- Sidqi, M. (2003). *Mawsu'ah Qawaid Fiqhiyyah*. Muassasah al-Risalah.
- Warta Kerajaan Selangor. (2021). *Fatwa Hibah di Negeri Selangor*. <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-hibah-di-negeri-selangor/>
- Wasiyyah Shoppe Berhad. (2024). *Hibah*. <https://wasiyyahshoppe.com.my/hibah>
- Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'an al-Islamiyyah. (2002). *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'an al-Islamiyyah.
- Zulkepli, M. Y., & Bustami, T. A. A. (2019). The grey side of hibah amanah as inheritance instrument in Malaysia. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought & Civilization*, 24(2), 267–292. <https://journals.iium.edu.my/shajarah/index.php/shaj/article/view/946>